

Klausa Pelapor Dalam Novel Sejarah Islam: Dari Sudut Pandang Stilistik

Hasnoor Shima Ahmad Hassan

Universiti Kebangsaan Malaysia;
 hshima@ukm.edu.my

ABSTRAK

Novel sejarah Islam adalah sejarah Islam yang telah diolah dan dipersembahkan kepada para pembaca dalam bentuk novel. Novel genre ini mula muncul di Malaysia sejak tahun 2007 dan pengarangnya merupakan anak tempatan. Kehadiran novel sejarah Islam memberikan impak yang besar kepada trend pasaran karya kreatif tempatan kerana ia mempunyai daya tarikan tersendiri yang mampu mempengaruhi pemikiran pembaca dalam menginterpretasikan sejarah Islam. Konteks penceritaan yang berlandaskan kepada sejarah Islam di zaman Rasulullah tentu sekali mengandungi petikan- kata-kata Rasulullah. Sebagai ikon suci kepada umat Islam, sudah tentu kata-kata Rasulullah tidak boleh diolah secara semberono oleh pengarang. Oleh itu, kajian ini tertumpu kepada gaya pengarang merepresentasi ujaran-ujaran Rasulullah di dalam novel *Perang Uhud Sejarah Duka Umat Islam* karya Abdul Latip Talib, terbitan PTS Sdn. Bhd. Kajian ini tertumpu kepada bentuk dan leksikal klausa pelapor yang mengiringi ujaran-ujaran langsung yang digunakan oleh pengarang untuk merepresentasi ujaran Rasulullah. Kajian ini memanfaatkan kerangka gaya ujaran langsung yang dicadangkan oleh Mohammad Fadzeli Jaafar (2006). Hasil kajian ini mendapati bahawa pengarang mengambil pendekatan berhati-hati dengan menggunakan leksikal yang neutral dalam klausa pelapor untuk meminimumkan campur tangannya dalam merepresentasi kata-kata Rasulullah.

Kata Kunci: ujaran langsung; klausa pelapor; novel sejarah Islam; stilistik

ABSTRACT

*An Islamic history novel is an Islamic history that has been processed and presented to readers in the form of a novel. The novel with this genre has been in Malaysian book market since 2007 and the authors are mostly locals. The presence of Islamic history novels has a great impact on the market trend of local creative works because it has its own charm that is able to influence the minds of readers in interpreting the Islamic history. The context of the narration based on the history of Islam in the time of the Prophet certainly contains the words of the Prophet. As a sacred icon to Muslims, of course the words of the Prophet should be treated in a proper manner by the author. Therefore, this study focuses on the author's style of representing the words of the Prophet in the novel *Perang Uhud Sejarah Duka Umat Islam* by Abdul Latip Talib, published by PTS Sdn. Bhd. This study focuses on the form and lexical of the reporting clause accompanying the direct speech used by the author to represent the utterances of the Prophet. This study utilizes the direct speech style framework proposed by Mohammad Fadzeli Jaafar (2006). The results of this study found that the author took a cautious approach by using neutral lexical in the reporting clause to minimize his interference in representing the words of the Prophet.*

Keywords: direct speech; reporting clause; Islamic history novel; stylistic

PENDAHULUAN

Sejarah terbina di atas fakta-fakta yang telah terbukti kesahihannya. Namun, penyajian fakta sejarah yang berkonsepkan laporan sejarah tulen membantutkan minat umum terhadap subjek tersebut. Maka, timbul satu produk karya sastera iaitu novel sejarah, yang memanfaatkan fakta sejarah sebagai latar dan jalan cerita. Gaya penyampaian sejarah dalam bentuk novel lebih santai dan menarik berbanding laporan sejarah tulen kerana terdapat adunan kreativiti dan imaginasi pengarang yang dapat membangkitkan emosi, minda dan intelektual khalayak pembaca melalui keindahan bahasanya. Namun demikian, dalam menginterpretasikan sejarah Islam dalam bentuk novel, terdapat beberapa kekangan yang dihadapi oleh pengarang. Pengarang novel sejarah Islam tidak boleh sewenang-wenangnya menokoh tambah watak mahupun latar dalam berkarya kerana sumber utama dalam penulisan sejarah awal Islam ialah al-Quran dan hadis (Duri, 1986). Sumber kedua sejarah Islam adalah hadis Rasulullah, iaitu segala amalan, percakapan dan setiap gerak geri Rasulullah diteliti dan diambil contoh oleh para sejarawan Islam (Mohd. Mokhtar, 1986). Seperti yang ditegaskan oleh Duri (1986), penulisan sejarah awal Islam sangat berkait rapat dengan perkembangan disiplin ilmu hadis. Para sejarawan telah mengambil hadis-hadis Nabi dan memperluaskannya ke dalam cakupan penulisan sejarah.

Di Malaysia, novel sejarah Islam telah dikaji oleh sarjana dalam bidang pengajian Islam. Noorsafuan & Azmul Fahimi (2012) telah menjalankan kajian tentang ketepatan fakta yang dihidangkan dalam novel sejarah Islam yang berjudul *Salahudin: Penakluk Jerusalem* (2007). Buku ini merupakan salah satu novel sejarah Islam karangan Abdul Latib Talib. Menurut kajian ini, terdapat fakta-fakta yang tidak tepat berkenaan tarikh, tempat, kronologi dan sebab terjadinya sesuatu konflik. Sehubungan dengan itu, terdapat penambahan tokoh-tokoh yang rapat dengan Salahudin tetapi tokoh-tokoh ini tidak wujud di dalam buku sejarah. Seterusnya, tokoh yang memainkan peranan yang penting seperti yang dinukilkan di dalam buku sejarah tidak diangkat dan diserlahkan peranannya di dalam novel sejarah ini. Walau bagaimanapun, masih

banyak fakta yang bertepatan dan selari dengan sumber sejarah. Oleh itu, pengkaji telah menyarankan agar novel sejarah, terutamanya novel sejarah Islam diteliti dahulu aspek kesahihannya oleh ahli sejarah sebelum dipasarkan kepada umum.

Kajian seterusnya telah dijalankan oleh Shahrizal (2011) yang membincangkan fungsi penyisipan ayat-ayat suci al-Quran dalam novel *Perang Uhud Sejarah Duka Umat Islam*, juga karya Abdul Latip Talib. Menurutnya, dengan adanya penyisipan ayat-ayat suci al-Quran di beberapa lokasi tertentu, khususnya di akhir sesebuah episod di dalam novel ini telah memberikan keyakinan kepada pembaca akan kebenaran kisah yang dinukilkan. Al-Quran yang dijanjikan tiada keraguan di dalamnya oleh Allah telah digunakan di dalam novel ini untuk menguatkan keyakinan pembaca terhadap kisah yang diceritakan. Fokus kajian ini adalah kewajaran meletakkan ayat al-Quran di tempat-tempat tertentu dalam novel ini.

Pengkaji telah meneliti sebab penurunan ayat-ayat Al-Quran yang disisipkan serta keterkaitannya dengan episod dalam novel tersebut. Hasil kajian ini membuktikan bahawa terdapat ayat-ayat al-Quran yang disisipkan di dalam novel ini tidak bertepatan dengan konteks dan sebab ia diturunkan dan amalan ini adalah bertentangan dengan akidah Islam dan ia wajar diperbetulkan.

Kajian-kajian di atas tidak menyentuh aspek kebahasaan, padahal bahasa merupakan wahana yang digunakan oleh pengarang dalam menuangkan idea dan mesejnya untuk diinterpretasi oleh khalayak pembaca. Malah, penggunaan bahasa yang digunakan oleh pengarang akan menimbulkan kesan yang berbeza kepada pembaca. Oleh yang demikian, kajian terhadap novel sejarah sewajarnya diperluaskan kepada aspek penelitian unsur bahasa dan tidak terhenti setakat perbandingan keabsahan fakta dan aspek penggarapan fakta kepada fiksyen sahaja. Memandangkan bidang stilistik telah berjaya mempertalikan bahasa dan sastera dalam kajian kajian novel fiksyen sebelum ini, maka kajian ini cuba memanfaatkan bidang stilistik dalam menyerlahkan penggunaan gaya bahasa pengarang untuk menyampaikan fakta dalam novel sejarah Islam.

METODE

Kajian ini memfokuskan kepada gaya pengarang menggunakan ujaran langsung untuk merepresentasikan ujaran Rasulullah dalam novel sejarah Islam yang bertajuk *Perang Uhud Sejarah Duka Umat Islam* yang ditulis oleh Abdul Latip Talib. Hanya bab 10 hingga 13 dipilih sebagai teks kajian kerana bab-bab ini berada di bahagian klimaks peperangan, di mana terdapat banyak interaksi antara para sahabat dengan Rasulullah. Kajian ini dilakukan berlandaskan tujuan-tujuan berikut: (1) mengenal pasti bentuk ujaran langsung Rasulullah (2) menganalisis kesan klausa pelapor dalam ujaran langsung Rasulullah. Bagi mencapai tujuan-tujuan tersebut, kajian ini memilih kerangka kajian ujaran langsung yang telah diketengahkan oleh Mohammad Fadzeli Jaafar (2013) di mana ujian langsung diklasifikasikan kepada ujaran langsung songsang dan juga ujaran langsung normal. Ujaran langsung normal (ULN) mempunyai struktur '*X berkata + Ujaran*'. *X berkata* merupakan klausa pelapor di mana *X* ialah kata nama khas atau kata ganti nama diri merujuk kepada pengujar. Oleh kerana kajian ini hanya meneliti ujaran Rasulullah, maka *X* di sini adalah Rasulullah atau turut juga dirujuk sebagai Nabi Muhammad oleh pengarang. Ujaran langsung songsang (ULS) pula berbentuk '*Ujaran + kata X*', di mana klausa pelapor diletakkan selepas ujaran. Klausa pelapor boleh mempunyai struktur ayat tunggal mahupun kompleks dan pengarang boleh bervariasi dengan menggantikan leksikal *berkata/kata*. Leech & Short (1991) menegaskan bahawa kecenderungan gaya pengarang memerlukan pembuktian melalui teks linguistik yang harus dikukuhkan dengan kekerapan angka terutama dalam membuat perbandingan antara kategori. Justeru, statistik kekerapan penggunaan bentuk ujaran langsung Rasulullah oleh pengarang bagi setiap bentuk ujaran langsung akan dikira dalam bentuk peratus untuk melihat kecenderungan pengarang. Dengan adanya bukti kuantitatif ini, maka kecenderungan atau gaya pengarang akan dapat dijelaskan secara konkrit dan seterusnya akan memenuhi tujuan (1) kajian ini dijalankan. Ini merupakan analisis tahap pertama, iaitu tahap deskriptif dalam kajian stilistik. Kajian stilistik turut merangkumi tahap

interpretasi bagi menilai kesan representasi ujaran itu yang akan memenuhi tujuan (2) dalam kajian ini. Pemanfaatan ilmu linguistik yang dipadukan dengan analisis sistematik diharap dapat menghasilkan satu analisis yang saintifik sifatnya serta teratur dan mudah untuk difahami.

KAJIAN PUSTAKA

Dalam novel kajian ini, pengarang hanya mengaplikasikan dua kategori ujaran langsung untuk merepresentasikan ujaran langsung Rasulullah, iaitu ULN dan ULS. Kekerapan setiap kategori dipaparkan dalam Jadual 1 di bawah:

Jadual 1: Bentuk Ujaran Langsung Rasulullah

Bab Ujaran Langsung

Normal Songsang

10 1 4

11 - -

12 4 20

13 4 3

Jumlah (Peratus) 9 (25%) 27 (75%)

Klausa pelapor tidak semestinya dibina dengan klausa tunggal tetapi boleh juga dibina dengan dua atau lebih klausa untuk membentuk ayat yang lebih kompleks. Jadual 2 menunjukkan jenis klausa pelapor dalam ULS dan juga ULN.

Jadual 2: Jenis Klausa Pelapor dalam Ujaran Langsung Rasulullah

Jenis Klausa Pelapor

Tunggal Kompleks

ULS 21 6

ULN 0 9

Jumlah (Peratus) 21 (58%) 15 (42%)

Dalam klausa pelapor, pengarang telah menggunakan beberapa pilihan leksikal berlainan bagi mencetuskan kesan yang berbeza terhadap ujaran tersebut seperti yang dapat dilihat dalam Jadual 3 dan 4 di bawah.

Jadual 3: Leksikal dalam klausa pelapor ULS

Leksikal Kekerapan

pesan 1

jawab 5

kata 15

teriak 3

tanya 3

Jumlah 27

Jadual 4: Leksikal dalam klausa pelapor ULN

Leksikal Kekerapan

berkata 8

berdoa 1
Jumlah 9

PEMBAHASAN

Secara umumnya, ujaran langsung adalah kata-kata yang benar-benar diucapkan oleh watak. Kata-kata atau ujaran yang dilontarkan oleh watak ini diletakkan di dalam tanda kutipan. Kebiasaannya ujaran langsung disertai oleh klausa pelapor yang memberi maklumat tentang watak yang mengujarkan kata-kata tersebut. Dengan menggunakan UL, pengarang meyakinkan pembaca bahawa setiap perkataan dalam tanda kutipan itu adalah sememangnya perkataan perkataan Rasulullah. Pemilihan UL oleh pengarang turut menunjukkan bahawa pengarang sangat berhati-hati serta menyantuni tuntutan Islam yang melarang mengubah hadis Rasulullah yang mempunyai nilai dan status yang tinggi dari sudut agama. Oleh itu, dengan menggunakan UL, pengarang memetik perkataan demi perkataan dalam hadis Rasulullah. ULS merupakan bentuk yang paling dominan digunakan oleh pengarang untuk mempersembahkan ujaran langsung Rasulullah dalam teks kajian ini, iaitu sebanyak 75% berbanding ULN, hanya 25%. Dengan penggunaan ULS bagi merepresentasikan ujaran Rasulullah, pembaca dapat merasakan kepentingan intipati mesej yang disampaikan oleh Rasulullah kerana bentuk ULS itu sendiri yang mendahulukan ujaran berbanding pengujar. Dalam data kajian ini, daripada 27 ULS, hanya 6 ujaran yang dituruti oleh klausa pelapor kompleks manakala selebihnya klausa pelapor tunggal. Oleh kerana intipati mesej Rasulullah yang ingin ditekankan oleh pengarang, maka pengarang telah menerapkan banyak klausa pelapor tunggal. Daripada pengamatan teks kajian, didapati pengarang membina klausa pelapor kompleks dengan dua tujuan. Tujuan pertama adalah untuk menjelaskan kepada siapa ujaran Rasulullah itu ditujukan seperti yang terdapat dalam contoh (1) di bawah:

(1) "*Lawanlah mereka,*" kata Rasulullah kepada Saad bin Abi Waqqas.

Tujuan kedua pula ialah utk memberi keterangan tentang bagaimana dan dalam situasi apakah ujaran itu disampaikan seperti dalam contoh (2):

(2) "*Marilah datang kepadaku. Aku adalah Rasulullah,*" teriak Nabi Muhammad memanggil para sahabatnya yang ketika itu sedang bertempur dengan musuh dalam jarak yang agak jauh dari beliau.

Dalam ULN pula, pengarang hanya menggunakan klausa pelapor kompleks sahaja. Melalui garapan klausa pelapor kompleks ini, pengarang cuba mencetuskan kesan dramatik yang boleh dirasakan oleh para pembaca seperti dalam contoh (3) dan (4):

(3) *Rasulullah mengusap darah yang meleleh pada wajahnya lalu berkata, "Semoga Allah menghinamu."*

(4) *Apabila melihat kedatangan tentera Quraisy yang begitu ramai maka Nabi Muhammad pun berdoa, "Ya Allah jangan sampai mereka mendapatkan kami."*

Kesan dramatik ini lebih ditonjolkan oleh pengarang berbanding dengan intipati mesej Rasulullah dalam ujaran-ujaran tersebut.

Pengarang dilihat kurang bervariasi dari aspek leksikal klausa pelapor dalam ULN. Pengarang hanya menggunakan leksikal *berdoa* dan *berkata* dalam klausa pelapor. Hal ini mungkin kerana klausa pelapor kompleks yang digunakan dalam ULN telah memberikan kesan yang dikehendaki oleh pengarang kepada pembaca tanpa perlu memvariasikan leksikal klausa pelapor.

Namun begitu, pilihan leksikal yang lebih bervariasi diterapkan oleh pengarang dalam klausa pelapor ULS. Leksikal-leksikal ini turut memprojeksikan lakuan bahasa Rasulullah seperti leksikal *pesan*, *tanya* dan *teriak*. Namun begitu, pengarang lebih cenderung mengutamakan penggunaan leksikal *kata* yang bersifat neutral, tanpa konotasi. Menurut Sanger (1988), leksikal *say* dalam novel bahasa Inggeris, merupakan leksikal neutral yang tidak membawa apa-apa konotasi. Dengan penggunaan leksikal neutral, pengarang tidak mempengaruhi pembaca dalam membuat penilaian terhadap karakter Rasulullah. Di sini sekali lagi menunjukkan bahawa pengarang cuba meminimumkan campur tangannya dalam merepresentasikan ujaran Rasulullah.

Dalam merepresentasi ujaran Rasulullah, pengarang tidak pernah menggunakan leksikal *sabda* dalam klausa pelapor. Walhal, jika merujuk kepada *Kamus Dewan Edisi Keempat* perkataan *sabda* ditakrifkan sebagai kata-kata yg

diucapkan oleh para Nabi atau Rasul. Dari satu sudut, dengan tidak menggunakan perkataan yang dikhususkan untuk Rasul, maka Rasulullah dilihat sebagai sebahagian daripada masyarakat yang kehidupannya tidak banyak bezanya dengan orang di sekelilingnya. Maka, pembaca dapat merasai kehadiran Rasulullah dan mencernakan peranan baginda dalam novel ini. Namun begitu, dari sudut yang lain pula, status Rasulullah seakan-akan direndahkan dengan leksikal-leksikal dalam klausa pelapor seperti *kata*, *teriak*, *tanya* dan *jawab* yang menyamakan Rasulullah dengan manusia biasa.

SIMPULAN

Daripada keseluruhan analisis, dapat dilihat bahawa pengarang terarah untuk memilih ULS untuk merepresentasikan ujaran Rasulullah berbanding ULN. Hal ini, pada pendapat pengkaji menunjukkan bahawa pengarang ingin menonjolkan dan lebih mementingkan intipati mesej yang diucapkan oleh Rasulullah. Di samping itu, penggunaan UL secara umumnya menunjukkan bahawa pengarang sangat berhati-hati dan memahami tuntutan agama dengan cuba meminimumkan campur tangannya terhadap ujaran Rasulullah yang bersumberkan hadis. Sungguhpun begitu, pengarang masih lagi mempunyai ruang untuk berkarya melalui leksikal dan bentuk klausa pelapor yang dilihat agak bervariasi. Melalui leksikal klausa pelapor, pengarang mempengaruhi pembaca dalam menginterpretasi maksud dan cara penyampaian sesuatu ujaran. Namun demikian, pengarang lebih banyak menggunakan leksikal yang neutral untuk menyerahkan interpretasi makna ujaran itu kepada pembaca.

Namun begitu, kajian ini hanya terbatas kepada beberapa bab dalam satu novel sahaja. Ada kemungkinan dapatan kajian yang lebih inklusif boleh didapati sekiranya lebih banyak data digunakan. Kajian ini mungkin dapat diluaskan kepada aspek lakuan bahasa dan juga strategi yang digunakan oleh pengarang di dalam ujaran untuk mencapai kesan-kesan yang diinginkan.

DAFTAR PUSTAKA

- Abdul Latip Talib, 2010. Perang Uhud: Sejarah Duka Tentera Islam. PTS Litera Utama Sdn. Bhd, Selangor.
- Duri, A.A, 1986. The Rise of Historical Writing among the Arab. Princeton University Press, Princeton.
- Leech, G. & Short, 1991. Style in Fiction. Longman, London.
- Mohd Fadzeli Jaafar, 2013. Teori Sistemik Fungsional dalam Stilistik. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Mohd Mokhtar Shafie, 1986. Sejarah Islam Abad Pertama. Nurin Enterprise, Kuala Lumpur.
- Mohd Shahrizal Nasir, 2011. Pemanfaatan Ayat Al-Quran Serta Sebab Penurunannya (Sabab Al-Nuzul) Dalam Novel Perang Uhud Karya Abdul Latip Talib. Jurnal Pengajian Melayu 22: 185-204.
- Noorsafuan Che Noh & Azmul Fahmi Kamaruzaman, 2012. Analisa Fakta Dan Fiksiyen Sejarah Dalam Novel Sejarah Islam Salahudin Ayubi: Penakluk Jerusalem. Kertas kerja dibentangkan di Diskusi Novel Sejarah Islam Siri 1, anjuran Institut Kajian Rantau Asia barat (IKRAB) UKM, 28 Disember 2012, Bandar Baru Bangi.
- Sanger, K., 1998. The Language of Fiction. Routledge, London.